



Fail Kami : P.Kw.N/NS.(349) 600/4-1 (51)
Tarikh : 22 Ramadhan 1428
4 Oktober 2007

**PEKELILING PEJABAT KEWANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
BIL. 2 TAHUN 2007**

Semua Ketua Jabatan Negeri
Negeri Sembilan Darul Khusus

ARAHAN KAWALAN AKAUN KENA BAYAR BAGI TAHUN 2007

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk mengurangkan perbelanjaan di bawah Akaun Kena Bayar pada tahun 2007 dan juga bagi mengelakkan perbelanjaan di bawah AP 58(a).

2. LATAR BELAKANG

2.1 Tafsiran Akaun Kena Bayar

Bil-bil / tuntutan yang dikemukakan selepas 31 Disember bagi sesuatu tahun kewangan yang dibayar menggunakan peruntukan tahun kewangan berkenaan bagi barangan, perkhidmatan atau kerja yang telah disempurnakan sebelum atau pada 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan.


3. KAWALAN AKAUN KENA BAYAR

Bagi memastikan perbelanjaan pada tempoh Akaun Kena Bayar dapat dikurangkan, Pegawai Pengawal diperlukan untuk mengambil tindakan ke atas perkara-perkara berikut :

- 3.1 Pengeluaran Pesanan Tempatan dan Inden Kerja untuk tujuan perolehan bekalan dan perkhidmatan yang tidak mempunyai kontrak dan kerja hendaklah perlu dikeluarkan selewat-lewatnya pada **1 November 2007** kecuali bagi perkara-perkara kecemasan dan benar-benar tidak dapat dielakkan.
- 3.2 Pegawai Pengawal hendaklah memastikan semua bayaran di para 3.1 di atas disempurnakan selewat-lewatnya pada **15 Disember 2007**. Baucer bayaran yang diterima selepas 15 Disember 2007 tidak akan diproses oleh Perbendaharaan Negeri.
- 3.3 Sekiranya gagal mematuhi peraturan di atas tindakan surcaj boleh diambil ke atas Pegawai Pengawal / Pegawai yang bertanggungjawab.

4. PENUTUP

Pegawai pengawal adalah diminta memberi kerjasama melaksanakan pengurusan kewangan yang berhemah.


(DATO' AB RADZAK BIN AB RAHMAN)
Pegawai Kewangan Negeri
Negeri Sembilan Darul Khusus

Tarikh : 7 Oktober 2007

s.k. Bendahari Negeri
Negeri Sembilan Darul Khusus